

ENAPRIL TABLET

Enalapril Maleate 10mg & 20mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ENAPRIL TABLET
2. Bagaimana ENAPRIL TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan ENAPRIL TABLET
4. Cara menggunakan ENAPRIL TABLET
5. Semasa menggunakan ENAPRIL TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ENAPRIL TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ENAPRIL TABLET

ENAPRIL TABLET digunakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi dan juga untuk meringankan masalah jantung yang lain. Rujuk kepada doktor anda sebelum menggunakan produk ini.

Bagaimana ENAPRIL TABLET berfungsi

ENAPRIL TABLET menyekat enzim penguubah angiotensin. Ini akan menyebabkan penurunan angiotensin II plasma dan justerunya penurunan tekanan darah.

Sebelum Mengambil ENAPRIL TABLET*Bila tidak boleh mengambil*

Jika anda mengandungi, alah terhadap enalapril ataupun jika anda pernah menghadapi alergik atau masalah perubatan terhadap bahan dalam ENAPRIL TABLET.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan ENAPRIL TABLET bersama dengan ubat yang lain seperti ubat anti-hipertensi, ubat dan supplemen mengandungi kalium akan mengakibatkan kesan-kesan yang tidak dikehendaki. Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat.

Cara menggunakan ENAPRIL TABLET*Berapa banyak harus diambil*

Dos yang diambil bergantung kepada keadaan perubatan semasa anda. Sila rujuk kepada doktor anda untuk pertanyaan lanjutan.

Bila perlu diambil

Ia perlu diambil secara oral bersama dengan makanan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu diambil

Ia perlu diambil mengikut nasihat doktor.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat itu secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil 2 dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta perhatian perubatan dengan segera jika anda atau orang lain telah mengambil terlebih dos.

Semasa menggunakan ENAPRIL TABLET*Perkara yang perlu dilakukan*

Ikut preskripsi doktor anda semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian perlu diberi jika diguna oleh pesakit yang mempunyai masalah jantung, kemerosotan fungsi ginjal, wanita menyusui dan kanak-kanak. Penggunaan ENAPRIL TABLET tidak digalakkan pada wanita mengandung.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan umum: sakit kepala dan pening.

Kesan sampingan yang kurang umum: keletihan dan asthenia.

Kesan sampingan yang jarang dilihat:

hipotensi, hipotensi ortostatik, loya, cirit-birit, kekejangan otot, ruam dan batuk, disfungsi dan kegagalan ginjal serta oliguria.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Selepas menggunakan ENAPRIL TABLET*Cara penyimpanan*

Simpan di bawah suhu 25°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

Cara pelupusan

ENAPRIL TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Enapril tablet 10mg:

Tablet berwarna merah coklat, dalam bentuk

“  ”.

Enapril tablet 20mg

Tablet berwarna jingga, dalam bentuk

“  ”.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Enalapril Maleate

Bahan tidak aktif

Lactose monohydrate

Povidont

Sodium starch glycolate

Polyethylene Glycol

Magnesium Stearate

Iron Oxide Red

Sunset Yellow Lake

Isopropyl Alcohol

Nombor MAL

Enapril 10mg - MAL 20051466AZ

Enapril 20mg - MAL 20051467AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP:

25/03/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200803/495